

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29 November 2015

Siti Hasmah kecewa sikap ibu bapa enggan benar imunisasi

Um - 29/10/2015

PUTRAJAYA 28 Okt. - Isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali kecewa dengan tindakan segelintir ibu bapa yang enggan membenarkan bayi mereka diberikan imunisasi melalui beberapa suntikan vaksin yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata, perkembangan itu amat membimbangkan kerana bayi yang tidak mendapat suntikan imunisasi begitu mudah terdedah dengan wabak penyakit berbahaya.

Malah beliau turut menyifatkan tindakan ibu bapa terbabit sebagai langkah ke belakang dan lebih malang lagi mereka yang terlibat itu dalam kalangan penduduk bandar berpendidikan.

"Imunisasi ini amat penting khususnya kepada bayi kita tetapi (malangnya) terdapat ibu bapa yang tidak mahu anak mereka disuntik dengan vaksin polio, tidak mahu suntikan ini dan suntikan itu bahkan ada yang mahu bersalin di rumah. Saya tidak faham mengapa ini boleh berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima anugerah Kiwanis International Humanitarian Public Service 2015 yang disampaikan oleh Presiden Kiwanis International, Sue Petrisin di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Turut menyaksikan penyampaian anugerah itu ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan bekas Presiden MCA, Tun Dr. Ling Liong Sik.

Siti Hasmah berkata, ketika bertugas sebagai doktor di Kedah selama 22 tahun, beliau bersama doktor-doktor lain serta kakitangan kesihatan bertungkus-lumus memperkenalkan suntikan imunisasi kepada ibu serta bayi mereka ketika itu.

Akhirnya beliau berkata, kadar kematian melibatkan ibu dan bayi dapat turunkan daripada 75 kematian kepada tujuh kematian.

"Kejayaan kita ini adalah hasil daripada imunisasi. Dahulu penduduk kampung tidak tahu tentang imunisasi tetapi sekarang mereka faham. Kini terpaksa pula kita kembali semula ke bandar untuk fahamkan orang pandai di bandar mengenai pentingnya imunisasi," katanya lagi.

Menjawab satu soalan katanya, beliau akan terus memberikan syor



Imunisasi ini amat penting khususnya kepada bayi kita tetapi (malangnya) terdapat ibu bapa yang tidak mahu anak mereka disuntik dengan vaksin polio, tidak mahu suntikan ini dan suntikan itu bahkan ada yang mahu bersalin di rumah."

SITI HASMAH MOHD. ALI
Isteri bekas Perdana Menteri

serta idea dalam usaha membela nasib orang kurang upaya (OKU) khususnya golongan sindrom down.

"Saya pernah melawat satu kilang di Belanda yang mana para pekerjaannya terdiri golongan sindrom down dan mereka mampu melaksanakan tugas-tugas yang diberikan.

"Golongan ini ada satu kelebihan yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka iaitu membuat satu-satu kerja itu dengan tekun. Dengan sifat ini mereka sebenarnya mampu menjadi seorang pekerja yang baik," katanya.